

UM 4 DEC 2007

PM puji

konsep

KHFH jual

daging segar

ALOR STAR 3 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memuji konsep Kedah Halal Food Hub (KHFH) yang membuka pusat penjualan daging segar, Meat Shop pertama di bandar ini kerana ia mengutamakan kualiti dan kebersihan.

Beliau yakin konsep seumpama ini akan meningkatkan jualan dan taraf pemasaran daging segar berbanding jualan daging di pasar-pasar basah yang kemungkinan terdedah kepada lalat dan kekotoran.

"Ini merupakan konsep perniagaan yang baik," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melawat Meat Shop di Jalan Lencongan Barat, di sini yang mula beroperasi pertengahan Oktober lalu.

KHFH yang mengimport dan memasarkan daging lembu itu merupakan rakan kongsi Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).

Dr. Mahathir juga kemudian dilihat membeli daging segar yang dijual di kedai berkenaan sebelum melawat dan membeli kuih untuk persiapan Hari Raya Aidilfitri di Pekan Rabu Alor Setar.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berada di negeri ini untuk majlis berbuka puasa bersama penduduk di kawasan Parlimen Kubang Pasu, di Masjid Gelong Rambai, Tunjang.